

INVC...nms...18/9/98.

**KEMISKINAN DI KALANGAN KAUM RUNGUS  
DI DAERAH KUDAT, SABAH**

**Oleh**

**PAUL PORODONG  
AAD9501**

Disertasi Untuk Memenuhi Keperluan  
Ijazah Sarjana Sastera  
Di Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Perpustakaan Universiti Malaya



A507732065

**JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
1997**

## SINOPSIS

Kajian ini memperkatakan masalah kemiskinan yang dialami oleh petani pindah kaum Rungus di Daerah Kudat, Sabah. Pertanian pindah ialah satu kegiatan ekonomi yang mereka jalankan sejak turun-temurun. *Tagad* atau huma mereka bukan setakat sumber makanan tetapi juga memainkan peranan sebagai sumber untuk mengumpul ‘kekayaan’ tradisional. Bagaimanapun perubahan masa, perkembangan pengaruh ekonomi pasaran dan meningkatnya keperluan wang dalam urusan sehari-hari menjadi titik-tolak dilema masyarakat ini.

Kajian ini akan membincangkan keadaan masyarakat petani pindah, perubahan yang mereka alami dan alternatif yang mungkin boleh membantu mereka menangani dilema yang mereka hadapi.

Dalam Bab 1, tujuan, skop kajian dan kaedah penyelidikan telah dibincangkan. Sumbangan kajian ini kepada dunia akademik, penyediaan maklumat sosio-ekonomi dan sumbangan kepada perancangan pembangunan di kawasan kajian juga dibincangkan. Masalah semasa menjalankan kajian menutup bab ini.

Bab 2 membincangkan dua konsep utama yang digunakan dalam kajian ini iaitu; takrifan, ukuran dan teori-teori kemiskinan dan konsep ekonomi saradiri. Latar belakang kajian kemiskinan di Malaysia khususnya kemiskinan di kalangan masyarakat luar bandar juga dibincangkan. Dalam bab ini, pengkaji telah menekankan kepentingan memahami masalah kemiskinan daripada perspektif masyarakat yang dikaji untuk mendapatkan gambaran yang lebih tepat tentang masalah kemiskinan yang mereka alami.

Kandungan Bab 3 pula memperkenalkan kaum Rungus secara umum. Masyarakat Rungus telah ditinjau daripada empat aspek iaitu, organisasi sosio-politik, institusi ekonomi, kepercayaan tradisional dan Kristianisasi dan akhir sekali tinjauan tentang latar belakang pembangunan dan perubahan sosial masyarakat Rungus pada hari ini.

Kegiatan ekonomi pertanian pindah yang dijalankan oleh kaum Rungus adalah kandungan Bab 4. Pemilikan tanah tradisional dan pembukaan *tagad* telah dibincangkan dengan panjang lebar. Masalah dalam menjalankan kegiatan ekonomi ini dan cara para petani menangani masalah tersebut juga turut dibincangkan. Penekanan utama dalam bahagian ini ialah masalah survival masyarakat petani apabila berhadapan dengan masalah kekurangan tanah serta tekanan meningkatnya keperluan wang untuk memenuhi tuntutan perubahan dan perbelanjaan harian.

Bab 5 pula akan meninjau isu-isu kemiskinan masyarakat petani pindah. Tinjauan dimulakan dengan melihat konsep kemiskinan dari kaca mata orang Rungus sendiri. Ini diikuti dengan tinjauan terhadap nilai dan motivasi masyarakat petani pindah daripada beberapa aspek ekonomi iaitu, prioriti umum mereka dalam membuat keputusan ekonomi, sikap terhadap amalan menyimpan dan melabur , amalan perbelanjaan dan akhir sekali sikap dan penerimaan terhadap inovasi. Kesimpulan bab ini sekali lagi menekankan kepentingan memahami nilai motivasi kumpulan sasaran sebelum melakukan sesuatu perubahan melalui program pembangunan.

Bab 6 pula membincangkan isu-isu pembangunan yang berlaku di kawasan kajian. Isu-isu ini dibincangkan berdasarkan tinjauan terhadap prestasi empat agen

pembangunan yang masing-masing mempunyai pendekatan yang tersendiri dalam usaha membangunkan masyarakat petani pindah di kawasan kajian. Kepentingan pendidikan sebagai agen pembangunan untuk membantu para petani dan anak-anak mereka menyerap perubahan juga dibincangkan. Akhir sekali, peranan dan pengaruh politik kepartian serta peranan kepemimpinan tempatan dibincangkan. Perkembangan hubungan ‘patron-client’ di kawasan juga pengkaji selitkan untuk melihat kesan buruk hubungan ini jika dibiarkan berterusan ke atas masyarakat yang sedang berusaha menyerap perubahan.

Bab 7 mengakhiri kajian ini dengan memberikan kesimpulan bahawa walaupun masyarakat petani pindah merasa tertekan dengan pengaruh ekonomi moden dan perubahan semasa yang berlaku di sekitar mereka, namun mereka haruslah menerima kenyataan bahawa satu-satunya jalan keluar ialah dengan menghadapi dan menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut.

## **SYNOPSIS**

This study deals with the problems faced by the Rungus shifting cultivators in the Kudat District of Sabah. Shifting cultivation has been their economic activity since generation's ago. The '*tagad*' or the field acts not only as source of livelihood but signifies its importance in the accumulation of traditional wealth. However, the changing times, advanced economy influences and hence the up using monetary needs to meet daily transactions appear to be the starting point of dilemma for this ethnic community.

This study will also discuss the living condition of shifting cultivators, the changes they encounter and the possible alternative which could help them in tackling the dilemma they face.

In Chapter 1, the objective, the scope and methods of research is discussed. This study's contribution to the world of academic, supplementing information on socio-economic aspects and its attribute to the development plan in the affected area is discussed. The limitations encountered during research will conclude this chapter

Chapter 2 deals with two paramount concepts used in this study i.e, definition, the 'yardstick' and theories of poverty as well as self-provider economy. The background of Malaysian poverty's study particularly the rural poor is also featured. This particular chapter, researcher has emphasised the importance of understanding the problems of poverty with the concerned group in perspective in order to grasp a more accurate insight to the real problems they are facing.

The content in Chapter 3 provides a general framework of introduction of the Rungus tribe. Here the Rungus community is surveyed in four aspects, i.e socio- political organisation, economic institution and traditional belief. The development background and concerns on social changes of the Rungus community today is also discussed.

The economic activities of shifting cultivation by the Rungus community encompasses Chapter 4. Traditional land ownership and clearing of 'tagad' is discussed at length. The obstacles encountered and methods of overcoming them in this economic activity is also dealt with. The main emphasis at this point will be the questions of survival for the cultivators community when faced by unavailability of potential lands and pressed by the escalating needs of monetary needs to fulfil one daily expenses and changing demand.

Chapter 5 will deal with the poverty issues of shifting cultivators community. This begins with the 'concept of poverty' perceived by the Rungus community by their own eyes. It is followed by surveying the values and motivations of the shifting cultivators community from several economic aspects, i.e general prime priority in economic decision, attitude towards the practices of saving and investing , spending habits and finally the attitude and acceptance to innovation. The concluding part of this chapter once again emphasises and relate the importance of motivation values of this particular target group before implementing any changes through development programme.

Chapter 6 discuss the issue of development taking place in the area studied. Discussion begin with agents of development involved which in their own respective approach attempt to gear the shifting cultivation community progressively in the territory mentioned. The role of education as agent to assist cultivators and their children adapting to changes also discussed. Finally the role and influence of political partying and the role of local leadership is noted as well. The advancing emergence of 'patron-client' relationship in the area is also included to asses the negative effect, should such relationship continuum is allowed to and ethnic group which is in the phase of adapting to changes.

Finally, Chapter 7, concludes this study by presenting a conclusion that although the shifting cultivators community are pressured by modern economic influences and the ever changing occurrence that surround them, they cannot but to accept the reality that the only way out of this dilemma is willingness to face and adapting to the changes itself.

## PENGHARGAAN

Pertama sekali saya mengucapkan syukur ke hadirat illahi kerana memberikan saya kekuatan dari segi mental dan fizikal untuk menyelesaikan disertasi ini.

Pertama sekali saya ingin merakamkan penghargaan kepada dua orang penyelia saya iaitu Prof. Tan Chee Beng (3 Julai, 1995 - Mac, 1996) dan Prof. Rokiah Talib (Mac 1996 - Julai 1997). Kesanggupan Dr. Tan Chee Beng menjadi penyelia saya pada saat-saat akhir beliau bertugas di Universiti Malaya telah meletakkan rancangan penyelidikan saya pada dasar yang kukuh. Seterusnya, kesediaan Dr. Rokiah Talib menerima saya sebagai anak didiknya telah membolehkan saya menyelesaikan kajian ini. Komen, teguran dan kritikan membina beliau melalui perbincangan kami telah membuka pandangan dan perspektif saya dalam memahami permasalahan kajian ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan khusus kepada ‘concern’ beliau terhadap masa depan kaum Rungus. Bernaung di bawah dua orang penyelia ini sesungguhnya satu kelebihan bagi saya menyempurnakan kajian ini.

Saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Malaya yang telah membayai pengajian saya di bawah Skim Biasiswa. Kos penyelidikan ini juga telah dibiayai sepenuhnya oleh pihak universiti di bawah Skim Bantuan Penyelidikan. Tanpa sokongan pihak universiti saya mungkin tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih khas keatas penerimaan dan kerjasama yang diberikan oleh para responden dan penduduk di Kg. Tinangol, Kg. Buranak Silad, Kg. Panudahan Jambu dan Kg. Rita. Saya ingin merakamkan penghargaan khas untuk Encik Majingga Musarang dan keluarga (Kg. Buranak Silad) dan Encik Makahwin Jomiya dan keluarga (Kg. Rita) kerana menerima saya menginap di rumah mereka semasa menjalankan kerja lapangan. Tanpa penerimaan dan kerjasama penduduk kampung, data-data kajian ini tidak mungkin dapat diperolehi.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada beberapa jabatan dan agensi kerajaan di Daerah Kudat seperti Jabatan Pertanian, Perikanan, SAFODA, Klinik Kesihatan Tinangol serta Pejabat Daerah Kecil Matunggung. Mereka telah memberikan bantuan samada secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini. Penghargaan juga saya rakamkan untuk P.E Research Sdn. Bhd. Yang telah membekalkan data-data yang saya perlukan untuk Program Japanese Overseas Cooperation Volunteer (JOCV) di Kg. Tinangol.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua ahli keluarga di kampung khususnya bapa dan ibu serta kakak Ana serta adik-adik yang selama ini telah memberikan sokongan kewangan dan moral untuk saya meneruskan pengajian. Jasa kalian tidak akan saya lupakan.

Saya juga merakamkan penghargaan kepada Puan Leong yang telah mencetak sebahagian besar kandungan dissertation ini; kepada Zulkifli Hassan yang telah meminjamkan komputer dan pencetak dan juga merupakan rakan seperjuangan dan

rakan berbincang mengenai masalah penyelidikan; kepada Ali Rahman Matassan yang telah banyak membantu saya dengan kerja-kerja di komputer, mengenai masalah penyelidikan. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih untuk semua rakan-rakan di Kolej Kediaman Kesembilan. Persahabatan itu sesungguhnya tidak dapat dinilai dengan harta benda.

Penghargaan khas saya persembahkan untuk Cik Lee Sek Kean yang telah memberikan sokongan padu yang membolehkan saya menamatkan pengajian ini dengan masa depan yang bermakna.

Paul Porodong  
Kolej Kediaman Kesembilan  
11 Jun, 1997

## **KANDUNGAN**

	<b>Muka surat</b>
SINOPSIS	( ii )
PENGHARGAAN	( iv )
KANDUNGAN	( xi )
SENARAI PETA	( xi )
SENARAI RAJAH/LAKARAN DAN CARTA	( xv )
SENARAI GRAF	( xvi )
SENARAI JADUAL	( xvii )

### **BAB 1 : PENGENALAN**

1.1 Tujuan Kajian	5
1.2 Skop Kajian	7
1.3 Kaedah Penyelidikan	10
1.4 Sumbangan Dan Kepentingan Kajian	15
1.5 Masalah Semasa Menjalankan Kajian	18

### **BAB 2 : TINJAUAN KONSEP DAN TEORI**

2.1 Takrifan dan Ukuran Kemiskinan	22
2.1.1 Teori-teori Kemiskinan	29
2.2 Konsep dan Skop Ekonomi Saradiri	42
2.3 Kajian Kemiskinan di Malaysia dan Kemiskinan Petani Saradiri	49
2.4 Kesimpulan	59

**BAB 3 : MASYARAKAT RUNGUS DI TEMPAT KAJIAN**

3.1 Pengenalan Umum	60
3.2 Organisasi Sosio-politik	66
3.2.1 Keluarga Domestik	66
3.2.2 Rumah Panjang	70
3.2.3 Kampung	74
3.3 Institusi Ekonomi	75
3.3.1 Pertanian dan Ternakan	75
3.3.2 Pemilikan dan Pewarisan	78
3.3.3 <i>Tamu</i> (pasar mingguan)	80
3.4 Kepercayaan Tradisional dan Kristianisasi	81
3.4.1 Alam ‘Supernatural’	82
3.4.2 Bobolizan (“the spirit medium”)	83
3.4.3 Jiwa (“soul”), Kematian dan Alam Baka	85
3.4.4 Upacara Tradisional (“ceremony”)	89
3.4.5 Kristianisasi	91
3.5 Perubahan Sosial Masyarakat Rungus	92
3.6 Kesimpulan	107

**BAB 4 : EKONOMI PERTANIAN PINDAH DALAM  
MASYARAKAT RUNGUS: REALITI DAN CABARAN**

4.1 Pengenalan	109
4.2 Pemilikan Tanah Tradisional di Borneo	110
4.3 Pertanian Pindah Sebagai Kegiatan Ekonomi	117

4.3.1 Perspektif Bioregional	117
4.3.2 Pertanian Pindah Dalam Masyarakat Rungus	122
4.4 Proses Membuka <i>Tagad</i> (huma)	126
4.4.1 Memilih Tapak	126
4.4.2 Menebang	127
4.4.3 Membakar	128
4.4.4 Menanam	128
4.4.5 Merumput dan Membuat Pondok	130
4.4.6 Menuai dan Memijak Padi	131
4.5 Masalah Petani Pindah	136
4.6 Kegiatan dan Kegiatan Hasil Bukan Pertanian	160
4.7 Kesimpulan	168

**BAB 5 : PETANI PINDAH DAN MASALAH KEMISKINAN**

5.1 Pengenalan	171
5.2 Konsep Kemiskinan Masyarakat Rungus	172
5.3 Nilai dan Motivasi Petani Pindah	178
5.3.1 Prioriti Umum	180
5.3.2 Simpanan dan Pelaburan	189
5.3.3 Amalan Perbelanjaan	199
5.3.4 Sikap dan Penerimaan Terhadap Inovasi	211
5.4 Kesimpulan	225

**BAB 6 : PETANI PINDAH DAN ISU-ISU PEMBANGUNAN**

6.1 Agen dan Prestasi Agen Pembangunan di Kawasan Kajian	229
6.1.1 Jabatan Pertanian	229
6.1.2 Korperasi Pembangunan Desa (KPD)	239
6.1.3 Lembaga Kemajuan Perhutanan Sabah (SAFODA)	249
6.1.4 Japanese Overseas Volunteer Cooperation (JOVC)	255
6.2 Pendidikan Sebagai Agen Pembangunan	267
6.2.1 Kadar Kenal Huruf	268
6.2.2 Prestasi Akademik dan Mobiliti Anak-anak Petani	270
6.3 Politik dan Pembangunan	277
6.3.1 Penyediaan Kemudahan Infrastruktur	278
6.3.2 Peranan Pemimpin di Peringkat Kampung	280
6.3.3 Hubungan ‘Patron-Client’	283
6.4 Kesimpulan	289

**BAB 7 : KESIMPULAN** 292**BIBLIOGRAFI** 312**LAMPIRAN** 330

**SENARAI PETA**

<b>Peta</b>		<b>Muka surat</b>
Peta 1 :	Kedudukan Kawasan Kajian di Daerah Kudat, Sabah	xxii
Peta 2 :	Kedudukan Semenanjung Kudat dan Semenanjung Bengkoka di Daerah Kudat, Sabah.	61
Peta 3 :	Suku-suku kaum di Sabah	64

**SENARAI GAMBARAJAH, LAKARAN DAN CARTA**

<b>Gambarajah/Lakaran/Carta</b>	<b>Muka surat</b>
Rajah 1 : The Cycle of Deprivation	33
Rajah 2 : Pelan Satu Unit Bilik Dalam Rumah Panjang Tradisional Kaum Rungus di Kudat, Sabah.	72
Lakaran 1 : Keratan Rentas Rumah Panjang	175
Carta 1 : Carta Organisasi Program Pembangunan Kampung (PPK)	258

**SENARAI GRAF**

<b>Graf</b>	<b>Muka surat</b>
Graf 1 : Masalah Kekurangan Tanah dan Hubungan Di Antara Jarak dan Usia Hutan	144
Graf 2 : Kedudukan Tapak Pertanian Pindah di Kg. Tinangol dan Kg. Panudahan/Rita/Buranak Berdasarkan Usia Dan Jarak Tagad Pada Musim Pengeluaran 1995/1996.	146

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 2.1	Kadar Kemiskinan Dan Pendapatan Purata Bulanan Isi Rumah Mengikut Strata Dan Kumpulan Sasaran Pada 1984 dan 1987 Di Sabah
Jadual 2.2	Pendapatan Beberapa Kumpulan Ekonomi Luar Bandar Di Sabah Pada 1970an
Jadual 3.1	Petempatan Perkahwinan Pada 1996
Jadual 3.2	Jenis Rumah Yang Didiami Pada 1996
Jadual 3.3	Pemilikan Rumah Kedua Oleh Petani Pada 1996
Jadual 3.4	Pemilikan Tanah Sawah Pada 1996
Jadual 3.5	Klinik Bergerak Yang Dijalankan Oleh Pusat Kesihatan Tinangol Di Sekitar Kawasan Kajian Pada Ogos 1996 Hingga Disember 1996
Jadual 4.1	Tempat Membuka <i>Tagad</i> Pada Musim 1995/96
Jadual 4.2	Keputusan Ujian Hakisan Tanah Di Daerah Kuching, Sarawak Pada 1981 - 1983
Jadual 4.3	Analisa Kandungan Organik Dalam Tanah Perang (orangeclay loam) Sebelum Dan Sesudah Pembakaran
Jadual 4.4	Pekerjaan Ketua-Ketua Isi Rumah Di Empat Kampung Kawasan Kajian
Jadual 4.5	Pembukaan <i>Tagad</i> Pada Musim 1995/1996
Jadual 4.6	Jadual Kerja Tahunan Petani Pindah Di Daerah Kudat, Sabah
Jadual 4.7	Tenaga Yang Mengerjakan <i>Tagad</i> Pada Musim 1995/1996 Mengikut Keutamaan Dan Peratusan
Jadual 4.8	Peratusan Sumbangan Bentuk-bentuk Tenaga Kerja Di <i>Tagad</i> Secara Keseluruhan Pada Musim 1995/1996
Jadual 4.9	Usia Pokok/Hutan Yang Ditebang Mengikut <i>Tagad</i> Pada Musim 1995/1996
Jadual 4.10	Jarak Diantara Rumah Responden Dan <i>Tagad</i> Pada Musim 1995/1996

Jadual 4.11	Pertambahan / Pengurangan Hasil Padi Di Antara Pengeluaran Musim 1994/1995 Dan 1995/1996
Jadual 4.12	Sebab Hasil Padi Berkurangan Pada Musim 1995/1996 Berbanding Dengan Musim 1994/1995
Jadual 4.13	Sebab Hasil Padi Bertambah Pada Musim 1995/1996 Berbanding Dengan Musim 1994/1995
Jadual 4.14	Keluasan Tanah Yang Dijadikan <i>Tagad</i> Oleh Responden Pada Musim 1995/1996 Mengikut Jumlah Luas Keseluruhan Tanah Yang Mereka Miliki
Jadual 4.15	Pendapat Responden Tentang Kayu SAFODA ( <i>Acacia mangium</i> ) Mengikut Keutamaan
Jadual 4.16	Kecukupan Simpanan Padi Sepanjang Tahun Pengeluaran 1994/1995 (sebelum hasil 1995/1996 dituai)
Jadual 4.17	Tempoh Simpanan Padi Tidak Mencukupi Sepanjang Musim 1994/1995 (sebelum hasil 1995/1996 dituai)
Jadual 4.18	Pekerjaan Sambilan Yang Sering Dilakukan Untuk Mendapatkan Tunai Mengikut Keutamaan Pada 1995/1996
Jadual 4.19	Jumlah Pendapatan Dalam Bentuk Elaun, Bantuan Kerajaan, Sewa, saham Dan Pemberian Anak-Anak Pada 1996
Jadual 5.1	Pengaruh Wang Terhadap Kehidupan senag Atau Susah Meengikut Pengalaman Petani Pada 1996
Jadual 5.2	Tujuan Menanam Jagung, Sayur Dan Ubi kayu Di <i>Tagad</i> Pada Musim Pengeluaran 1995/1996
Jadual 5.3	Prioriti Petani Keatas Barang Yang Mempunyai Nilai Yang Sama (RM300.00) Pada 1996
Jadual 5.4	Tindakan Petani Jika Mengalami Kelebihan Simpanan Padi Pada 1996
Jadual 5.5	Analisa Lanjut (berdasarkan Jadual 5.4) Tindakan Petani Jika Mengalami Kelebihan Simpanan Padi Pada 1996
Jadual 5.6	Nilai Pasaran Barang kebudayaan Yang Berada Dalam Simpanan Petani Pada 1996
Jadual 5.7	Agihan Nilai Dan Nilai Purata Simpanan Peralatan Kebudayaan Yang Dimiliki Oleh Petani Pada 1996

Jadual 5.8	Cara Petani Memperolehi Pelbagai Jenis Peralatan Kebudayaan Yang Berada Dalam Simpanan Mereka Mengikut Keutamaan Pada 1996
Jadual 5.9	Simpanan Wang Sebanyak (atau lebih) RM100.00 Dalam Tempoh Bulan April Hingga Julai 1996
Jadual 5.10	Tempat Petani Menyimpan Tunai Mengikut Keutamaan Pada 1996
Jadual 5.11	Cara Petani Membelanjakan Wang Sebanyak RM100.00 Mengikut Keutamaan Pada 1996
Jadual 5.12	Cara Petani Membelanjakan Wang Sebanyak RM10,000.00 Mengikut Keutamaan Pada 1996
Jadual 5.13	Kekerapan Petani Berhutang Pada 1996
Jadual 5.14	Anggaran Nilai Hutang Setiap Kali Berhutang Pada 1996
Jadual 5.15	Sebab petani Terpaksa Berhutang Mengikut Keutamaan Pada 1996
Jadual 5.16	Cara Petani (Sumber) Membayar Hutang Mengikut Keutamaan Pada 1996
Jadual 5.17	Cita-cita Petani Untuk Menukar Pekerjaan Secara Jangka Pendek Atau Jangka Panjang Pada 1996
Jadual 5.18	Keinginan Petani Untuk ‘Mewariskan’ Pekerjaan Sebagai Petani Pindah Kepada Anak-anak Pada 1996
Jadual 5.19	Alasan Petani Mahu Atau Tidak Mahu Anak Merek Meneruskan Pekerjaan Sebagai Petani Pindah Pada 1996
Jadual 5.20	Pekerjaan Selain Pertanian Pindah Yang Mahu Diceburi Oleh Petani Pada 1996
Jadual 5.21	Tindakan Para Petani Sekiranya Diberi Peluang Menanam ‘Tanaman Baru’
Jadual 5.22	Alasan Petani Menanam Atau Tidak Menanam ‘Tanaman Baru’
Jadual 6.1	Projek Dan Peruntukan Jabatan Pertanian Di Daerah_Kudat Pada Rancangan Malaysia Keenam (RM6) Dan Rancangan Malaysia Ketujuh (RM7)
Jadual 6.2	Tempoh Jabatan Atau Agensi Memproses Permohonan Penduduk Di Kg. Tinangol Dan Kg. P/R/B Sebelum 1990 Hingga 1996 Berdasarkan Tempoh Permohonan Dihantar

	Dan Penerimaan Maklumbalas Dari Jabatan Atau Agensi Berkenaan
Jadual 6.3	Subsidi Ataupun Bantuan Pertanian Dan Sebagainya Yang Pernah Diterima Oleh Petani Pada 1985 Hingga 1996
Jadual 6.4	Konsep Perladangan Secara Kontrak
Jadual 6.5	Jumlah Pendapatan (Bersih) Bulanan Projek Lebah Madu KPD Di Daerah Kudat Pada Bulan Januari 1992 Hingga April 1994
Jadual 6.6	Hasil Jualan Sayur-sayuran Penduduk Kg. Tinangol/JOCV Antara Tahun 1986 Hingga 1989
Jadual 6.7	Kadar Kenal Huruf Ketua Isi Rumah Pada 1996
Jadual 6.8	Pencapaian Akademik Suami dan Isteri Pada 1996
Jadual 6.9	Bilangan Dan Peratusan Anak-anak Petani Mengikut Jantina Yang Masih Bersekolah Mengikut Peringkat Persekolahan Tertinggi Yang Dicapai Sebelum Atau Pada 1996
Jadual 6.10	Bilangan Anak-anak Petani Mengikut Pekerjaan dan Tempat Tinggal Pada 1996
Jadual 6.11	Individu Atau Organisasi Yang Paling Penting Untuk Memajukan Kampung Mengikut Keutamaan Petani Pada 1996
Jadual 6.12	Individu Paling Berpengaruh Mengikut Keutamaan Petani Pada 1996
Jadual 6.13:	Keyakinan Para Petani (berdasarkan pengalaman) Terhadap Kemampuan Calon Yang Diundi Untuk Membantu Membangunkan Kehidupan Sebagai Petani Pada 1996
Jadual 6.14	Penyertaan Petani Dalam Proses Pilihan Raya Dan Sebab Mengundi Seseorang Calon Pada 1996

**PETA 1**  
**KEDUDUKAN KAWASAN KAJIAN DI DAERAH KUDAT, SABAH**



After: Pengaruh Tanah dan Ukur, Sabah, 1975. Mc.Gowen International PTY LTD, 1983.